

Ramai rakyat Malaysia terpaksa bekerja selepas bersara

Kuala Lumpur: Landskap persaraan di Malaysia kini semakin berbeza dengan majoriti rakyat memilih atau terpaksa terus bekerja melepasi umur persaraan rasmi, menurut dapatan terbaharu Kaji Selidik Persaraan Serantau Sun Life.

Kaji selidik bertajuk *Retirement Reimagined: Asia's Retirement Divide* mendapati 64 peratus responden di Malaysia menjangkakan akan terus bekerja atau sudah bekerja selepas umur persaraan, sekali gus mencerminkan jurang yang semakin ketara antara mereka yang bersedia dari segi kewangan dan mereka yang masih bergelut untuk mencapai keselamatan kewangan.

Presiden dan Ketua Negara

Sun Life Malaysia, Ho Teck Seng, berkata persaraan hari ini bukan lagi satu penanda masa yang tetap.

“Kami melihat jurang yang semakin melebar antara mereka yang bekerja untuk memenuhi aspirasi peribadi dan mereka yang bekerja kerana terpaksa. Tekanan ini paling dirasakan oleh generasi ‘sandwich’ yang menanggung keperluan ibu bapa serta anak serentak dan Sun Life percaya keselamatan kewangan tidak boleh dibiarkan kepada istilah ‘kebetulan,’” katanya menerusi kenyataan.

Menurut laporan itu, keper-



Ho Teck Seng

luan pendapatan kekal menjadi faktor utama dengan 63 peratus responden menyatakan mereka terus bekerja bagi menampung kos sara hidup dan memastikan kestabilan kewangan jangka panjang.

Bagaimanapun, sebahagian besar turut memilih untuk kekal bekerja atas faktor bukan kewangan seperti mencari makna dan kepuasan hidup (53 peratus), rangsangan mental (53 peratus) serta mengekalkan hubungan sosial (52 peratus).

Menariknya, hampir lapan daripada 10 responden (79 peratus) berpendapat persaraan

seharusnya menjadi satu pilihan peribadi, bukan ditentukan semata-mata oleh had umur, sejajar dengan realiti Malaysia yang sedang bergerak pantas ke arah masyarakat menua.

Kaji selidik itu turut mengenal pasti dua laluan persaraan utama di Asia, iaitu kumpulan *Gold Star Planners* yang bersedia dari segi kewangan dan mempunyai kebebasan memilih serta bagaimana mereka mahu bersara serta *Stalled Starters* yang menanggung persaraan kerana kekangan kewangan.

Bagi *Gold Star Planners*, bekerja lebih lama adalah satu pilihan yang didorong oleh kesejahteraan dan tujuan hidup di mana 68 peratus menyatakan faktor ini sebagai pendorong utama.

Sebaliknya, dalam kalangan *Stalled Starters*, keperluan kewangan menjadi sebab dominan apabila 67 peratus mengakui mereka menanggung persaraan kerana perlu menyimpan lebih banyak wang.

Pada masa sama, penggunaan kecerdasan buatan generatif (GenAI) sebagai sumber maklumat kewangan turut meningkat ketara, hampir dua kali ganda daripada 10 peratus kepada 21 peratus.

Trend ini mencetuskan kebimbangan terhadap perancangan persaraan sendiri tanpa bimbingan profesional, apabila kebergantungan kepada bank dan penasihat kewangan bebas dilihat menurun berbanding tahun lalu.